KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA

# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## ISNIN 18 FEBUARI 2019

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br>3.<br>4. | EJEN PENGEMBANGAN PENYALUR ILMU, MEGA SAINS, UM -28<br>HARI BERTEMU PELANGGAN, MEGA SAINS, UM -29<br>NISBAH EJEN PENGEMBANGAN, PETANI BESAR, MEGA SAINS, UM -29<br>MINISTER OF AGRICULTURE URGED TO LOOSEN CONDITIONS FOR APPLYING MYyGAP, NATION, CHINA PRESS -A11 | JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA) |
| 5. | SIM TZE TZIN SHOULD HELP ORGANIZE MEETING WITH KULA, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A2 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA) |
| 6. | FISHERMEN CAPITALISE ON SOCIAL MEDIA TO SEEK BOUNTIFUL ‘BUBUK’ SPOTS, HOME, BORNEO POST (KUCHING) -11 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 7. | PEJABAT ISYTIHAR IKAN DITUTUP, SABAK BERNAM, SH -24 | LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM) |
| 8. | KEGAGALAN LALU TAK LEMAH SEMANGAT JUANG USAHAWAN KEK, BISNES, BH -59 | LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA) |
| 9. | DI MANA KEPEKAAN KERAJAAN PH TERHADAP INDUSTRI MAKANAN NEGARA?, FOKUS, HARAKAH -N22 | BAHAGIAN INDUSTRI PADI DAN BERAS (IPB) |
| 10.<br>11.<br>12.<br>13.<br>14.<br>15. | USAHAWAN MUDA UDANG KARA JADI CONTOH, KUALA SELANGOR, SH -22<br>MAHU SALAHUDDIN MENGHADAP, NASIONAL, SH -43<br>PATUH TITAH SULTAN JOHOR, NASIONAL, SH -8<br>JOHOR SULTAN SUMMONS SALAHUDDIN OVER POLITICAL SPEECH IN MOSQUE, THE MALAYSIAN INSIGHT -ONLINE<br>TMJ WANTS ACTION ON POLITICIANS WHO GIVE CERAMAH IN MOSQUE, NEWS, MALAYSIAN NANBAN -5<br>TO INCREASE AGRICULTURAL PRODUCTION, FIRST LEGALIZE CULTIVATED LAND, NEWS, ORIENTAL DAILY NEWS -A27 | LAIN - LAIN |

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 18/2/2019 | UTUSAN MALAYSIA | MEGA SAINS | 28 |





MOHD. NIZAM ABDUL AZIZ (kanan) memberi khidmat nasihat kepada ahli kelompok penanam mangga Harumanis di Perlis.



PROGRAM turun padang Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub (tengah) wajar dijadikan inspirasi Jabatan Pertanian dalam melaksanakan kerja-kerja pengembangan.

# Ejen pengembang penyalur ilmu

Oleh AQILAH MIOR KAMARULBAID
aqilah.mks@gmail.com



PETANI dan usahawan dalam bidang pertanian di negara ini perlu melakukan perubahan dengan menggunakan teknologi baharu bagi meningkatkan pengeluaran sekali gus menambah pendapatan.

Sektor pertanian merupakan nadi terpenting dalam pembangunan negara, justeru amat penting bagi golongan petani dan usahawan mengubah landskap pertanian kepada lebih moden agar mampu menguasai sebahagian daripada rantaian makanan global.

Pengarah Bahagian Pengembangan Pertanian dan Industri Asas Tani, Jabatan Pertanian, **Sulaiman Hashim** memberitahu, penggunaan teknologi seperti dron, sistem fertigasi, kilang sayur (*vege factory*) dan penggunaan sistem maklumat geografi (GIS) amat digalakkan agar industri pertanian terus maju dan mencapai standard antarabangsa.



SULAIMAN HASHIM

Langkah itu selari dengan peranan utama Bahagian Pengembangan Pertanian dan Industri Asas Tani dalam memperkasakan petani atau usahawan. Ia dengan melaksanakan tugas pemindahan dan penerapan teknologi pertanian terkini di sepanjang rantaian nilai kepada kumpulan sasar mengikut keperluan, peringkat aktiviti dan keadaan setempat.

Katanya, penekanan terhadap penggunaan teknologi diteruskan selepas pengumuman Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) untuk memperkenalkan pertanian secara tepat dan jitu seperti diamalkan di negara-negara maju bagi memastikan petani mampu memiliki hasil yang lebih lumayan.

Penggunaan teknologi dron dilihat memberi banyak kelebihan dan kebaikan terutama melibatkan kawasan yang luas dan tinggi.

"Menerusi penggunaan dron petani atau usahawan boleh memantau tanaman mereka tanpa perlu berada di lapangan.

"Malah penggunaan dron bagi kerja-kerja semburan racun dapat menjimatkan masa berbanding kaedah lama," katanya.

Sementara pengairan tanaman yang sangat popular, teknologi atau sistem fertigasi digunakan secara meluas dan diiktiraf antarabangsa telah membantu ramai golongan petani dan usahawan berjaya dalam bidang tanaman masing-masing.

Sistem tersebut merupakan kaedah pemberian baja menerusi sistem pengairan titis. Dalam sistem ini, cecair baja disalurkan di dalam pengairan membantu meningkatkan hasil tanaman serta dalam masa sama memberi impak dari segi kuantiti dan kualiti.

Malah penggunaan sistem itu juga berjaya mengurangkan penggunaan racun serangga sekali gus menjadikan tanaman di negara ini lebih selamat.

Dalam masa sama, menurut Sulaiman, GIS dibangunkan bagi mengenal pasti jenis pokok durian mengikut klon dan lokasi.

"Kami telah menggunakan sistem ini di Taiping (Perak) dengan meletakkan Identifikasi Frekuensi Radio (RFID) pada pokok durian bagi mengenal pasti klon dan asal usul untuk tujuan eksport.

"Cip tersebut diletakkan di batang pokok agar mudah pihak kami mendapatkan data yang tepat," jelasnya.

Buat masa ini, kilang sayuran masih di peringkat cadangan, namun eksperimen yang dilakukan di Serdang, Selangor menunjukkan hasil yang positif dan berjaya.

"Sayur-sayuran ditanam di dalam bangunan menggunakan cahaya lampu. Hasil eksperimen itu berjaya memendekkan hasil tuaian seperti tanaman salad yang dahulunya mengambil masa selama sebulan tetapi kini boleh dituai hanya dalam masa dua minggu," ujarnya.

Menerusi saranan tersebut, bahagian beliau terajui bertanggungjawab melahirkan dan membangunkan usahawan baharu atau pelapis serta membimbing usahawan sedia ada untuk mengembangkan perniagaan dalam sektor industri asas tani supaya mereka mengaplikasikan teknologi baharu.

Langkah itu secara tidak langsung akan menghasilkan perubahan minda dari segi kecekapan, amalan dan apa jua berkaitan pertanian.

"Meskipun penubuhannya lebih 100 tahun, Jabatan Pertanian masih relevan dalam konteks hari ini. Teknologi baharu juga tidak memungkinkan peranan jabatan berubah sebaliknya terus diperkasa supaya dapat dimanfaatkan oleh petani.

"Selain petani, pegawai

**INFO**

- Jabatan Pertanian ditubuhkan sejak 1905.
- Ketika ini terdapat 421 ejen pengembangan di Malaysia.
- Terdapat 84 ejen pengembangan industri asas tani dan 83 pegawai pertanian daerah.
- Mereka ditugaskan untuk menyampaikan teknologi kepada golongan petani dan usahawan.
- Jabatan Pertanian memberi latihan kepada pegawai teknikal dan pegawai pengembangan melalui program latihan berjadual.



LATIHAN yang disampaikan oleh pegawai bidang khas banyak membantu petani.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 18/2/2019 | UTUSAN MALAYSIA | MEGA SAINS | 29 |



# Hari Bertemu Pelanggan

SEBELUM ini Jabatan Pertanian memperkenalkan Klinik Pengembangan Dr. Pokok yang sering dikunjungi orang ramai yang menyalur dan mengadukan sebarang masalah berkaitan isu pertanian.

Program tersebut membolehkan petani bertemu pakar untuk mendapatkan maklumat dan mengadu masalah. Namun kini konsep yang sama bertukar nama dan dikenali sebagai Hari Bertemu Pelanggan.

Pun begitu menurut Sulaiman, konsepnya masih sama cuma lebih menyeluruh dengan penglibatan semua agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

"Mereka yang mempunyai masalah atau ingin mendapatkan maklumat boleh berkunjung ke semua 83 Pejabat Pertanian daerah dan negeri setiap hari Rabu manakala di kementerian diadakan sebulan sekali secara berpusat," jelasnya.

Antara perkhidmatan yang ditawarkan 13 agensi dan jabatan di bawah kementerian termasuk khidmat nasihat, insentif, bantuan serta program pertanian yang dianjurkan.

"Golongan petani dan usahawan boleh mengemukakan apa jua masalah pada hari tersebut dan jika pegawai tidak dapat mengatasinya, maka permasalahan itu akan dibawa ke peringkat tertinggi untuk tindakan susulan," katanya.

an




JABATAN Pertanian pernah memperkenalkan Klinik Pengembangan Dr. Pokok. - GAMBAR HIASAN

pengembangan juga disaran untuk meningkatkan dan mengemas kini berkaitan penggunaan teknologi dalam pelbagai bidang agar mudah disampai dan dikongsikan kepada golongan petani dan usahawan," katanya.

Beliau menambah, pegawai akan dilatih dalam konteks menyelesaikan masalah dalam bidang tertentu seperti buah-buahan, sayur-sayuran atau sains tanah.

"Mereka akan dilatih oleh pakar dalam pelbagai bidang untuk menyampaikan maklumat atau penggunaan teknologi kepada golongan sasar.

"Pada setiap dua minggu pegawai pengembangan akan melawat petani untuk menyampaikan apa jua masalah yang dibangkitkan," ujarnya lagi.

# Nisbah ejen pengembangan, petani besar

EJEN pengembangan memainkan peranan penting dalam mengorak langkah untuk memajukan bidang pertanian.

Ini kerana menurut Pengarah Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan, Universiti Putra Malaysia (UPM), **Prof. Datin Paduka Dr. Fatimah Mohd. Arshad,** petani atau usahawan bergantung kepada kebijaksanaan dan informasi ejen pengembangan sebelum melakukan sesuatu perkara atau bertanyakan pendapat.

"Apa yang saya lihat sekarang, ejen pengembangan hanya fokus kepada sesuatu perkara sahaja.

"Contohnya ejen pengembangan itu pakar berkaitan kelapa sawit hanya mengetahui mengenai isu-isu sawit sahaja dan tidak mengetahui perkara berkaitan industri penternakan seperti kambing.

"Sedangkan pengusaha kelapa sawit sekarang turut menanam tumbuhan atau buah-buahan lain dan membela haiwan ternakan sekitar kebun," ujarnya ketika dihubungi baru-baru ini.

Justeru, beliau berharap ejen pengembangan diberi kursus atau latihan secara menyeluruh meliputi pelbagai bidang agar memudahkan petani atau usahawan pertanian mendapatkan maklumat dan ilmu dengan tepat dan cepat.

"Ejen pengembangan perlu memenuhi pelbagai keperluan dan kehendak golongan sasar, justeru amat wajar mereka dilengkapi ilmu yang pelbagai.

Selain itu bilangan ejen pengembangan perlu ditambah ekoran bilangan petani dan usahawan juga bertambah.



PEGAWAI program pengembangan juga perlu mendekati petani muda.

"Di Malaysia nisbah ejen dan petani ialah 1:500 sementara di Thailand 1:20 dan Vietnam 1:50.

"Ini menunjukkan di Malaysia terdapat jurang yang besar apabila ejen pengembangan perlu menjaga dan menyampaikan informasi kepada jumlah petani yang ramai dan itu menyukarkan mereka untuk menyalurkan ilmu," jelasnya.



DR. FATIMAH MOHD. ARSHAD

Walaupun pelbagai usaha digandakan untuk memajukan industri pertanian negara, namun dilihat masih terdapat beberapa kekurangan yang wajar diperhalusi oleh pihak berkepentingan bagi memastikan bidang pertanian mencapai tahap pengembangan yang baik.

Antaranya, masalah utama yang dilihat sebagai 'ancaman' kepada kejayaan pengembangan pertanian adalah faktor cuaca, varieti yang terlalu lama dan penggunaan tanah terlalu kerap.

Berkongsi lebih lanjut Dr. Fatimah berkata, varieti yang terlalu lama akan menyebabkan jenis pokok atau tumbuhan terlalu imun terhadap penyakit.

> "Ejen pengembangan perlu memenuhi pelbagai keperluan dan kehendak golongan sasar, justeru amat wajar mereka dilengkapi ilmu yang pelbagai."

"Keadaan tersebut tidak baik kepada tumbuhan dan pokok berkenaan, justeru pelbagai varieti baharu perlu dicipta melalui penggunanaan teknologi terkini bagi membolehkan industri tersebut terus berkembang dengan penghasilan lebih banyak jenis tumbuhan dan pokok.

"Begitu juga dengan penggunaan tanah secara berulang akan menyebabkan kualiti tanah berkurangan dan tidak mengganggu proses tanaman berikutnya.

"Justeru, perkara terbaik yang perlu dilakukan adalah merehatkan tanah untuk beberapa ketika bagi membolehkan ia kembali subur dan langsung memberi kesan yang baik untuk tanaman akan datang," katanya.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Ministry of Agriculture urged to loosen conditions for applying for MyGAP | | |
| MediaTitle | China Press | | |
| Date | 18 Feb 2019 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 233,713 |
| Page No | A11 | Readership | 1,076,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 431 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 8,502 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 25,505 |



# 陳蘇潮：60%農友沒擁地
# 冀放寬MyGAP申請條件

（峇株巴辖17日讯）马来西亚菜农总会会长陈苏潮说，农民希望农业部放宽申请良好农业规范认证（MyGAP）的条件，因为60%农友在非法土地上耕种，根本没条件申请该认证。

“农民申请该认证最基本条件是须拥有自己的土地，或正式的土地租借合约。而且，若农民有几个园地就须申请几张MyGAP，但农民认为，MyGAP不应以土地数量发放，而应让农民以公司名义，申请一张MyGAP即可。”

## 不應以土地數量發放

陈苏潮昨晚在峇株巴辖县菜农联合会新春晚宴上致词时，这么指出。

农业及农基工业部日前表明会重新推动农业计划认证品牌，即良好农业规范认证（MyGAP），以提高农产品的产量、品质、安全及出口竞争力，协助将我国农业迈向更高里程碑。

MyGap认证是用作农场生产和产品加工过程的一套标准，除了保障农产食品的安全及健康，也注重经济、社会及环境的可持续发展。该认证获得多个国家认可，包括东南亚国家、中国、日本、韩国及澳洲等。

陈苏潮指出，大多数农民是在非法和临时土地上耕种，无法投资在现代化农作设备。

他说，农民被逼迁的事件时有所闻，也害怕因州政府与私人发展商合作，导致农友农耕地被收回。

“农耕地没有地契，加上许多农耕地已转换成工业用途，不少农友冒险在荒废的废矿地耕种，因此必须优先解决农耕地问题，合法化非法农耕地，让农友不必担心农耕地被州政府强制收回。”



■峇株巴辖县菜农联合会主席郑荣侨（左）和总务林金成（右），颁赠水果礼篮给陈苏潮。

## 難承擔外勞費用

陈苏潮说，全国务农者希望政府能收回农业领域为外劳缴付社险，以及通过银行发外劳薪资的政策。

他说，目前种菜业面对很多问题，包括进口菜种、进口农药和肥料，因令吉贬值而涨价、成本增加、市场购买力弱等问题，若政府还要雇主承担外劳额外费用，对农民来说是雪上加霜。

“大部分农民因缺乏劳力，缩小种植面积，令蔬菜产量减少，希望政府废除繁文缛节的外劳申请方式，并以‘一站式’方式，让雇主申请合法外劳，避免人力缺乏情况持续恶化，拖慢我国经济成长。”

他透露，菜农总会、大马果农总会、柔州花卉种植协会及柔州中小型家禽总会早前已联合致函给人力资源部，也透过华总致函，希望部长与4大组织代表，针对外劳课题进行谈话，唯至今仍未有下文。

“去年大选后，总会花5个月时间才获得与农业部正副部长会谈，也呈交备忘录，却仍未获得关注和回应。”

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Sim Tze Tzin should help organize meeting with Kula | | |
| MediaTitle | Nanyang Siang Pau | | |
| Date | 18 Feb 2019 | Color | Full Color |
| Section | National | Circulation | 27,667 |
| Page No | A2 | Readership | 83,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 869 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 10,931 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 32,793 |



## 陈苏潮：官员不肯与农民对话

# 沈志勤应助引见古拉

### 峇县菜农联会新春晚会

**（峇株巴辖17日讯）马来西亚菜农总会会长陈苏潮驳斥“农民怕见官”的言论，并呼吁农业部副部长沈志勤实现承诺，积极扮演政府与华裔农民的沟通桥梁，在短期内协助农民引见人力资源部长古拉，以解决农民所面对的问题。**

**他说，沈志勤日前指一些农民可能因为害怕见官员或语言沟通问题，而没有向农业部寻求协助，并指愿意积极扮演政府与华裔农民的桥梁，协助农民处理官方的事务。**

陈苏潮说：“副农长对华裔农民的关注，我们深表欣慰，可是我必须回应农民的心声，事实上不是农民害怕见官员，反而是官员迟迟不肯接见农民，或与农民对话。”

陈苏潮昨晚出席峇株巴辖县菜农联合会2019年新春联欢晚会时，如是表示。

### 屡致函农长要求会谈

他说，5·09大选后，菜农总会用了5个月，多次致函给农长拿督沙拉胡丁要求会谈，冀望农业部关注农民所面对的问题。

他指出，菜农总会仅在去年11月份获得一次与正副农长会谈的机会，当时菜农总会提呈的备忘录，至今仍未获得关注与回应。

陈苏潮说：“去年底，针对外劳社险及雇用外劳的问题，菜农总会、马来西亚果农总会、柔佛州花卉种植协会以及柔佛州中小型家禽业总会联合致函予人力资源部长古拉，要求古拉与4大团体的代表对话，共商雇用外劳的程序，我们甚至通过华总致函给古拉，可惜迄今都没有得到古来的一丝回应。”



峇株巴辖县菜农联合会主席郑荣侨（左起）赠送水果礼篮予陈苏潮，由该会总务林金成陪同。

## 盼收回2损农政策

陈苏潮表示，全国各地务农者都盼望政府收回农业领域为外劳缴付社险，以及外劳薪资必须通过银行开户这2个损农政策。

他说，种植蔬菜面对一箩筐问题，如进口菜种、进口农药和肥料因令吉贬值而成本增加、行情淡、蔬菜容易腐烂和市场购买力弱影响销量等，现在还强制雇主承担外劳额外的费用，简直是雪上加霜。

“大部分菜农还因为缺乏工人而缩小种植面积，导致蔬菜产量减少，所以，菜农总会希望政府成立一站式申请合法外劳政策，以免缺乏人力的情况持续恶化，影响及拖慢我国经济增长。”

## 重启良好农业规范须先解决耕地

陈苏潮指出，大马菜农总会支持农业部重新推动大马良好农业规范（MyGAP）认证，惟他认为，政府在执行这项措施前，须解决农耕地问题。

“农民申请MyGap认证的最基本需要，就是必须拥有自己的土地或持有正式的土地租借合约，但我国有60%农民是在非法土地耕种，因此，若非法土地耕种问题没有获得解决，相关农民就没有条件申请MyGap认证。”

他说，在有关政策上，农民若是在不同的地方拥有几段园地，就得申请几张MyGap认证，此举不妥，有关当局应该让农民以公司名义申请一张认证，而非根据土地发放认证。

### 非按地发认证

“农业部若要重新推行MyGap，首要解决的是农民土地问题，以及检讨及再修改条例。”

他说，农业部一直强调要发展我国农业，以免每年流失数十亿令吉外汇，但眼看我国多数农民还在非法或临时农地耕种，根本无法投下重资采用现代化农作设备来提高农粮产量。

他说，由于农耕地没有地契，加上许多农耕地已转换成工业用途，他觉得政府必须先解决耕地问题，才能进一步研究提高产量的工作。

“我国目前仍拥有许多荒置的农耕土地和废矿地，许多华裔农民就是在这些政府土地上辛勤耕种，靠自己的劳力谋生，州政府应实行必要的利农政策，包括将所谓非法耕地合法化，让全国各地的农民不必忧虑土地被政府强制收回，人人能安心耕种。”

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Fishermen capitalise on social media to seek bountiful `bubuk` spots | | |
| MediaTitle | Borneo Post (Kuching) | | |
| Date | 18 Feb 2019 | Color | Full Color |
| Section | Home | Circulation | 62,583 |
| Page No | 11 | Readership | 187,749 |
| Language | English | ArticleSize | 460 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 6,273 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 18,818 |



# Fishermen capitalise on social media to seek bountiful 'bubuk' spots

**MIRI:** The use of social media like Facebook and WhatsApp is now more far-reaching than ever before, in that these applications can even help local fishermen find locations offshore that have bountiful supply of 'bubuk' (krill shrimps).

According to Daud Lamat, a fisherman from Kampung Pulau Melayu here, many of them (fishermen) own smartphones and have WhatsApp groups. Whenever one of them spots an area with a large presence of 'bubuk', he would notify others about it.

"Social media have indeed made our lives a bit easier," he told The Borneo Post here yesterday.

Daud and his fellow fishermen are now enjoying the 'bubuk' season, where a kilogramme of the catch can fetch up to RM7.

Typically, the annual 'bubuk' season here is between February and April.

The 'bubuk' is the primary ingredient in 'belacan' (local shrimp paste) and also 'cincalok' (fermented bubuk).



A local villager sells the 'bubuk' at her stall in Kampung Batu Satu Fishermen's Market.

"During this season, we fishermen can only get between four and five hours of sleep as we spend most of our time inside our boats.

"But this is our livelihood, and we must take advantage of the abundance supply of 'bubuk' this time around," said Daud, observing that every time the fishermen arrive at the fish markets in Kampung Batu Satu in Lutong, Kampung Piasau Utara, Kampung Luak, and Kampung Kuala Bakam, there are already long lines of customers eagerly waiting to get their basketfuls of krill shrimps.



A fisherman brings a bucket full of 'bubuk' onshore at Batu Satu Lutong Beach.

According to Daud, the 'bubuk' caught in the waters off here is known to make the best 'belacan' and 'cincalok'.

Meanwhile, the Marine Fisheries Department has issued its reminder for all fishermen to follow strictly all the regulations relating to their operations.

"We are happy that the fishermen are enjoying great catch this season, but they must also observe strictly the dos and don'ts.

"We assure the fishermen community of our support, relating to the proper methods of catching the 'bubuk', which aims to preserve ample supply of catch and ensure that the marine life would continue be bountiful," said a department spokesperson.

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 18/2/2019 | SINAR HARIAN | SABAK BERNAM | 24 |

# Pejabat isytihar ikan ditutup

*Nelayan Sungai Haji Dorani gusar terpaksa berurusan di lokasi lebih jauh*

MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR

SUNGAI HAJI DORANI

Nelayan pesisir pantai di kampung ini gusar apabila operasi pejabat pengisytiharan pendaratan ikan di jeti itu ditamatkan berkuat kuasa 1 Mac depan.

Nelayan, Razali Ramli, 46, berkata, penamatan operasi itu menyukarkan nelayan yang terpaksa berurusan di dua pejabat yang lebih jauh.

"Susahlah kami nak isytihar pendaratan ikan. Terpaksa menempuh jarak perjalanan 4 kilometer (km) ke Sungai Besar dan 8km ke Sungai Nibong," katanya kepada Sinar Harian.

Razali berkata, kebiasaannya selepas pulang dari laut, nelayan terus ke pejabat di jeti itu untuk mengisytiharkan jumlah pendaratan ikan masing-masing.

"Pejabat ini akan merekod semua maklumat pendaratan ikan bagi pemilik bot menikmati skim minyak bersubsidi yang hanya digunakan untuk aktiviti menangkap ikan," katanya.



Razali menunjukkan notis pemakluman mengenai penutupan operasi pejabat berkenaan.

Mohd Said Abdullah, 52, berkata, nelayan terbeban dengan pelbagai masalah menghantui mereka, sejak akhir-akhir ini.

"Sudahlah elaun sara hidup kami dipotong RM100 dan sebahagian lagi tak terima elaun sejak Disember, kini pusat operasi pendaratan pula nak ditutup.

"Tolonglah bantu kami dan janganlah dibebankan nelayan dengan pelbagai dasar yang menyusahkan," katanya.

**info**

**Nelayan dakwa perlu bergerak 4km ke Sungai Besar dan 8km ke Sungai Nibong**

Katanya, pusat pendaratan ikan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) di kampung itu memberi kemudahan kepada lebih 150 nelayan di jeti berkenaan.

"Saya pelik kenapa pusat operasi ini nak ditutup, sedangkan bertahun lamanya beri kemudahan kepada nelayan pesisir pantai.

"Kita juga khuatir jika semua nelayan tertumpu di pusat isytihar di Sungai Besar dan Sungai Nibong beri kesesakan di dua tempat itu. Ini termasuk kemungkinan jika sistem internet tergendala hingga memaksa kami ke pusat isytihar lebih jauh," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 18/2/2019 | BERITA HARIAN | BISNES | 59 |





Anne kini memiliki premis perniagaan sendiri dengan 26 pekerja dan 200 skuad di seluruh Malaysia.

BISNES

'Air tangan' saya mula dikenali ramai termasuk daripada kalangan orang kenamaan dunia, selebriti dan artis, manakala 'jenama' Anne Idris mula mendapat tempat apabila saya dilantik sebagai duta/ ikon usahawan tempatan serta memenuhi jemputan berkongsi pengalaman kepada masyarakat"

*Anne Idris, Pengasas My Mum's Bakery*

# Kegagalan lalu tak lemah semangat juang usahawan kek




**Profil**

**Siti Saleha Idris**
- **Kerjaya:** Pengasas My Mum's Bakery
- **Asal:** Taiping, Perak
- **Kelulusan Akademik:** Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)

Bermula di pasar tani, Siti Saleha kini mampu miliki premis perniagaan sendiri

NADI BIZ

**Oleh Nurhayati Abllah**
nurhayatiabllah@bh.com.my

Cekal, degil, tabah dan berani adalah ramuan istimewa bagi pengasas kedai kek tular, My Mum's Bakery untuk berada pada tahap sekarang.

Pemilik nama Siti Saleha Idris, atau lebih dikenali dengan Anne Idris, sentiasa menjadikan setiap cabaran yang dihadapinya sebagai 'ubat ampuh' untuk terus bergelumang dengan perit jerih menjadi seorang usahawan.

"Nak berniaga, hang (awak) perlu jadi gila dan berani. Kena ajaibkan diri sendiri dan sanggup bertukar rutin 360 darjah," ujarnya spontan ketika ditemu bual *NadiBiz*, di kedainya, di Bandar Pinggiran Subang, baru-baru ini.

Anak kelahiran Taiping Perak dan pekat dengan loghat utara itu berkata, beliau berada pada tahap sekarang ini selepas berdepan fasa kehidupan yang mencabar semata-mata ingin meneruskan impiannya untuk menjadi seorang usahawan kek berjaya.

"Saya belajar tidak pandai, hanya setakat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Jika diikutkan saya ini pelajar kedua paling terkebelakang daripada kira-kira 365 pelajar Tingkatan Lima ketika itu.

"Namun, semangat ingin berniaga begitu menebal tetapi tidak tahu bermula dari mana. Apatah lagi hidup dalam keadaan serba kemiskinan," katanya yang pernah menjadi model sambilan tetapi mengambil keputusan untuk berhenti dari dunia 'glamour' dan memilih berniaga.

## Bermula tanpa ilmu, strategi

Menyoroti kisah kecekalannya, Siti Saleha yang kini memiliki kira-kira 181,000 pengikut di Instagram berkata, beliau memulakan perniagaan pada 2006, tanpa bekalan sebarang ilmu dan strategi.

"Saya fikir pandai membuat kek sudah mencukupi tetapi ternyata ia satu kesilapan besar kerana mengambil risiko tanpa mempelajari selok-belok perniagaan.

"Modal berjumlah RM130,000 lebur. Untung ke mana, hutang bertambah. Kedai dikunci dan kereta ditarik kerana gagal membayar ansuran bulanan. Saya berada dalam keadaan sangat buntu, sampai pada suatu hari, ibu menangis dan ketika itu, dia mengadu kepada saya belum menjamah sebarang makanan.

"Saya seluk poket dan pada masa itu hanya tinggal RM5. Dengan rasa bersalah dan sedih, saya membelikan ibu nasi ayam dan wang berbaki 50 sen. Saya menebalkan muka meminjam beras daripada jiran untuk bekalan makanan saya dan ibu pada ketika itu," katanya.

Daripada peristiwa itu, beliau bangkit dengan semangat juang yang tinggi dan berbekalkan wang pinjaman RM50 daripada jiran berkenaan, Siti Saleha menggunakannya untuk melayari internet di kafe siber mencari maklumat sebanyak mungkin untuk memulakan perniagaan menjual kek di pasar tani.

"Saya juga memberanikan diri meminjam duit ceti haram berjumlah RM10,000 kerana ketika itu tiada bank dan institusi kewangan yang sanggup menawarkan pinjaman kepada saya berikutan rekod perniagaan saya yang tidak stabil.

## Rancang buka kilang

"Tanpa jemu saya sentiasa mendalami ilmu membuat kek menerusi YouTube dan meningkatkan kemahiran diri dalam berniaga. Bermula daripada hasil keuntungan jualan berniaga di pasar tani dan pasar malam, akhirnya saya kini mampu memiliki premis perniagaan sendiri dan memiliki 26 pekerja serta 200 skuad di seluruh Malaysia," katanya yang kini menghasilkan kek bermula daripada harga RM15 sehingga ratusan ribu ringgit.

Prinsip beliau cukup mudah, iaitu diri sendiri perlu keluar untuk berjumpa orang ramai demi memasarkan produk dan jenama yang dibawa serta memperkenalkan kek My Mum's Bakery kepada orang ramai.

"Kek pertama yang saya hasilkan ialah kek 'cheese leleh' yang mendapat sambutan luar jangkaan sehingga mampu meraih RM16,000 hanya dalam tempoh seminggu dan selepas berniaga di pasar tani serta pasar malam, saya kemudian mencuba nasib berniaga dalam talian menerusi Facebook dan Instagram.

"Kejayaan demi kejayaan diraih sehingga ada yang menggelarkan saya sebagai *Viral Baker*. 'Air tangan' saya mula dikenali ramai termasuk daripada kalangan orang kenamaan dunia, selebriti dan artis, manakala 'jenama' Anne Idris mula mendapat tempat apabila saya dilantik sebagai duta/ikon usahawan tempatan serta memenuhi jemputan berkongsi pengalaman kepada masyarakat," katanya.

Selain menggunakan pusingan modal sendiri, beliau turut mendapat sokongan dan bantuan daripada pelbagai agensi termasuk Majlis Amanah Rakyat (MARA), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) dan Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (Tekun Nasional) untuk terus mengembangkan perniagaannya.

Melangkah ke hadapan katanya, beliau bercadang untuk membuka kilang sendiri menjelang 2020 dan meningkatkan pasaran produknya ke luar negara seperti Dubai, China dan Jepun.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 18/2/2019 | HARAKAH | FOKUS | N22 |

# Di mana kepekaan kerajaan PH terhadap industri makanan negara?

Oleh AZIZ MUDA

ULASAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

KERAJAAN Pakatan Harapan (PH) ternyata tidak peka terhadap keperluan perkembangan industri makanan negara, apabila Belanjawan 2019 yang dibentangkannya menyaksikan penurunan peruntukan khususnya bagi industri padi dan beras yang cukup besar daripada RM74,701,000 pada tahun 2018 kepada RM68,637,600 untuk tahun ini.

Selain itu, kerajaan PH juga tidak bertindak dengan sewajarnya bagi mengatasi masalah yang berlaku berhubung dengan keluasan penanaman padi yang kini mengalami kemerosotan yang amat ketara.

Berdasarkan beberapa laporan pihak yang bertanggungjawab, Malaysia telah mengalami kehilangan kawasan jelapang yang cukup besar sehingga melebihi 100, 000 hektar di seluruh negara dalam tempoh 20 tahun kerana telah ditukar kawasan penanaman padi kepada status tanah perindustrian, perumahan dan bangunan.

lebih serius termasuk yang melibatkan kawasan jelapang padi di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

"Kedua, saya ingin menyentuh juga dalam hal industri padi dan beras negara berkaitan penetapan SSL ataupun sasaran tahap sara diri itu yang disebut pada tahun 2020 ingin dicapai sebanyak 80 peratus.

"Apakah kriteria yang ditetapkan oleh kementerian dalam menetapkan peratusan ini, pada hal banyak pihak telah menyebut bahawa SSL ini perlu diletakkan maksimum iaitu sebanyak 100 peratus untuk menghasilkan padi ini bagi keperluan seluruh rakyat di Malaysia ini," katanya.

Beliau membangkitkan perkara itu ketika mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan 2019 Peringkat Jawatankuasa Di



"Apakah kriteria yang ditetapkan oleh kementerian dalam menetapkan peratusan ini, pada hal banyak pihak telah menyebut bahawa SSL ini perlu diletakkan maksimum iaitu sebanyak 100 peratus untuk menghasilkan padi ini bagi keperluan seluruh rakyat di Malaysia ini."

– USTAZ AHMAD TARMIZI SULAIMAN

iaitu pertama di peringkat padi itu sendiri, penanaman padi iaitu mengurangkan kos bertani, meningkatkan pendapatan pesawah dan memastikan sasaran 100 peratus SSL.

"Prioriti kedua itu di peringkat beras, di pasaran itu iaitu mengekalkan harga beras yang adil dan stabil. Memastikan bekalan beras mencukupi untuk keperluan negara. Mengekalkan kuantiti dan standard beras berdasarkan akta dan peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan dan melindungi negara daripada krisis makanan," ujarnya.

kitkan persoalan yang berkaitan peruntukan bagi subsidi baja padi bukit dan huma seperti yang disebut oleh Ahli Parlimen Kapit dari Sabah sebelum itu.

"Ini satu perkara yang sangat menyedihkan kepada petani-petani kita di pedalaman sana, sama ada orang-orang asal ataupun penduduk di Sabah dan Sarawak. Sudah pastilah ia telah memberi satu mesej kepada mereka bahawa seolah-olah segala usaha dan keringat mereka sebelum ini tidak dinilai oleh kerajaan.

yang dibuat oleh penduduk di daerahnya di Sik yang membabitkan penanaman padi organik yang dinamakan sebagai Sri Lovely, atau Sistem Intensifikasi Padi atau SRI, yang perlu dilihat dengan lebih jauh oleh pihak kementerian berkenaan. Usaha tersebut dibangunkan oleh Koperasi Agro Belantik, Sik yang diusahakan oleh pengerusinya, seorang bekas anggota tentera bernama Zakaria.

"Saya menyebut perkara ini kerana usahanya sangat luar biasa. Dia mengusahakan padi organik ini sejak

digunakan sebagai pilot project di Malaysia ini untuk dikembangkan lagi di daerah-daerah lain. Sudah pastilah ia memberi suatu rangsangan yang besar kepada industri padi kita ini," tegasnya.

### Tidak patut letakkan petani dan nelayan dalam kelas ketiga

Mengakhiri perbahasannya, Ustaz Ahmad Tarmizi mengatakan bahawa dalam keseluruhan anggaran bajet kementerian berkenaan, kerajaan perlu menyatakan golongan petani dan nelayan khususnya adalah golongan yang sangat tinggi nilainya dalam masyarakat kita.

Malangnya, menurut beliau, dalam peruntukan bajet tersebut jelas memperlihatkan seolah-olah kerajaan mahu meletakkan golongan petani dan nelayan dalam kelas ketiga di negara ini.

"Sedangkan di negara maju di Jepun, di United Kingdom, golongan ini merupakan jutawan kerana kerajaan sentiasa mahu

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 18/2/2019 | SINAR HARIAN | KUALA SELANGOR | 22 |

# Usahawan muda udang kara jadi contoh



Juwairiya (dua, kanan) melihat hasil ternakan udang kara air tawar yang diusahakan lima anak muda di Jeram Lobster Farm.

**KUALA SELANGOR** – Sokongan wakil rakyat setempat penting bagi membantu mengembangkan lagi perusahaan anak muda di daerah ini sekali gus menjadi ikonik perusahaan yang boleh dicontohi.

ADUN Bukit Melawati, Juwairiya Zulkifli berkata, perusahaan anak muda yang membawa nama Jeram Lobster Farm ini wajar dicontohi kerana membuka peluang pekerjaan kepada golongan itu

"Saya berpeluang melihat sendiri perusahaan udang kara air tawar yang diusahakan lima belia yang diketuai Tengku Azizul di bawah Koperasi Belia Milenia.

"Kagum dengan kesungguhan mereka mengusahakan 14 kolam ternakan udang kara air tawar ini kawasan tapak seluas 0.2 hektar sejak setahun lalu," katanya.

Juwairiya memberitahu, pihaknya difahamkan perusahaan seumpama itu adalah yang pertama di Kuala Selangor sekali gus membuktikan usahawan muda mampu pelopori bidang yang jarang sekali disertai ini.

"Aktiviti penternakan udang kara air tawar ini bukan sahaja membuka peluang pekerjaan kepada anak muda setempat bahkan membantu menjana ekonomi rakyat secara keseluruhannya.

"Melalui hasil anggaran 150 kilogram sebulan ini difahamkan dapat memenuhi permintaan pelanggan dari Kuala Lumpur, Petaling Jaya dan kawasan tumpuan lain.

"Saya berharap perusahaan ini dapat dikembangkan lagi dan terus maju," katanya selepas merasmikan Jeram Lobster Farm itu bersama pemimpin setempat.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 18/2/2019 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 43 |

# 5 PALING HANGAT

www.sinarharian.com.my

PILIHAN PEMBACA SINAR ONLINE!




## MAHU SALAHUDDIN MENGADAP

618,139 bacaan

JOHOR BAHRU - Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar mahu individu yang juga menteri didakwa menyampaikan ceramah dalam sebuah masjid, segera mengadapnya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 18/2/2019 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 8 |

# Patuh titah Sultan Johor

***Salahuddin sedia mengadap Sultan Ibrahim, sedang tunggu arahan rasmi***

SHAFIQ TINO

JOHOR BAHRU

Menteri Pertanian dan Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub sedia mengadap Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar susulan dakwaan beliau memberi ceramah politik di sebuah masjid di bandar raya ini, Jumaat lalu.

Menurutnya, beliau menjunjung patuh titah Sultan Ibrahim dan sedang menunggu arahan rasmi untuk mengadap baginda.

"Saya akan menjelaskan semuanya nanti. Saya akan buat satu sidang media selepas diterima mengadap Sultan Ibrahim," katanya kepada Sinar Harian, di sini, semalam.



SALAHUDDIN

Mengulas lanjut dakwaan tersebut, Salahuddin berkata, beliau akan melaporkan semua perkara yang berlaku kepada Sultan Ibrahim nanti.

"Saya boleh maklum, dalam video yang dirakam itu pun tiada apa yang diucapkan tetapi tunggu saya mengadap Sultan Ibrahim dahulu," katanya.

Terdahulu, Sultan Ibrahim mahu individu yang juga Menteri didakwa menyampaikan ceramah dalam sebuah masjid di negeri ini segera mengadap baginda.

Tuanku Sultan yang murka terhadap tindakan tersebut turut menuntut individu berkenaan membuat permohonan maaf secara bersurat.

Bagaimanapun, kelmarin, Ahli Parlimen Pulai ketika dihubungi menafikan tuduhan tersebut.

Katanya, ucapan yang diberikan ketika berada di masjid adalah tazkirah yang mengandungi pengisian berbentuk kebaikan.

"Saya tiba di masjid kira-kira jam 1 tengah hari untuk Solat Jumaat. 20 minit sebelum azan, imam menjemput saya untuk memberikan sedikit tazkirah kepada jemaah.

"Saya hanya bercakap selama 10 minit. Apa yang paling utama saya sentuh adalah sama-sama melakukan kebaikan," katanya

*info*

**Salahuddin akan melaporkan perkara sebenar yang berlaku kepada Sultan Ibrahim**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 18/2/2019 | THE MALAYSIAN INSIGHT | ONLINE | |

## Johor sultan summons Salahuddin over political speech in mosque




Sultan Ibrahim Sultan Iskandar of Johor says mosques in the state are banned from being used for political purposes. – Facebook pic, February 19, 2019.

SULTAN Ibrahim Sultan Iskandar of Johor has summoned Amanah deputy president Salahuddin Ayub to explain allegations that he made a political speech at a mosque in the state.

The sultan also wants the politician to apologise in writing and to give assurance that he would not repeat the action.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | TMJ wants action on politicians who give ceramah in mosques | | |
| MediaTitle | Malaysian Nanban | | |
| Date | 18 Feb 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 65,000 |
| Page No | 5 | Readership | 415,000 |
| Language | Tamil | ArticleSize | 90 cm² |
| Journalist | NULL | AdValue | RM 524 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 1,571 |



# பள்ளிவாசலில் அரசியல் பேச்சா?

## துங்கு மக்கோத்தா ஜொகூர் கண்டனம்

(எம்.கே.வள்ளுவன்)

ஜொகூர் பாரு, பிப். 18-

கடந்த வெள்ளிக்கிழமை இங்கு கொலம் ஆயர் பள்ளிவாசலில் அரசியல் உரையை நிகழ்த்தியதாக நம்பப்படும் விவசாயம், விவசாயம் சார்ந்த தொழில் துறை அமைச்சர் சலாவுடின் அயூப்பின் உரை டுவிட்டரில் பதிவு செய்யப்பட்டுள்ளதற்கு துங்கு மக்கோத்தா ஜொகூர் துங்கு இஸ்மாயில் சுல்தான் இப்ராஹிம் தனது டுவிட்டரின் வழி கண்டனத்தை தெரிவித்துள்ளார்.

அந்த விவகாரத்தை விசாரணை மேற்கொள்வதுடன் அது குறித்து நடவடிக்கை மேற்கொள்ளப்படும் எனவும் குறிப்பிட்ட அவர் ஜொகூர் மாநிலத்தில் பள்ளி வாசல்களில் அத்தகைய அரசியல் உரைகள் நிகழ்ந்ததில்லை எனவும் குறிப்பிட்டார்.

அரசியலை பள்ளி வாசல்களில் பேசப்படுவதன் மூலம் அரசியலுக்கு முக்கியத்துவம் வழங்குவோரை கண்காணித்து நடவடிக்கை எடுக்க மாநில இஸ்லாமிய சமய மன்றத்தை கேட்டுக் கொண்டுள்ளதாகவும் அவர் தெரிவித்தார்.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | To increase agricultural production, first legalize cultivated land | | |
| MediaTitle | Oriental Daily News | | |
| Date | 18 Feb 2019 | Color | Black/white |
| Section | News | Circulation | 85,616 |
| Page No | A27 | Readership | 256,848 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 609 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 7,121 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 21,363 |



# 提高农产量 首要合法化耕地

**峇株巴辖17日讯｜马来西亚菜农总会总会长陈苏潮表示，如今全国多数农民仍在非法地或临时土地耕种，前景一片茫然，政府若有意发展我国农业，先决条件就是解决耕地问题，才能进一步研究提高产量。**



林伟弘（左起）、傅悉騄、林舒美、黄思强、陈苏潮、颜碧貞、郑荣侨、陈亚池、张宝宜、黄生、叶亚牛及郭世辕一同捞生庆贺新年。

他说，虽然农业部一直强调要发展我国农业，但我国许多农民仍在未知数情况下耕种，无法投下重资采用现代化农作设备，农耕地遭逼迁事件更是时有所闻。

「农友为国人提供价廉物美的蔬果，也出口到邻国为国家赚取外汇，可是农友的前景茫然，随时会因各州政府和私人发展商合作导致农友面临耕地被收回的厄运。」

他认为，州政府应制定必要的利农政策，将各地的非法耕地合法化，让全国各地农民能安心耕种，不必忧虑土地被政府强制收回。

陈苏潮是于昨晚，在峇县菜农联合会举办的新年联欢晚会上，如是指出。出席者包括行动党峇株巴辖党鞭傅悉騄、市议员林伟弘、林舒美、黄思强、峇县菜农联合会会务顾问陈亚池、法律顾问郭世辕、顾问张宝宜、郭良和、黄生、叶亚牛及总务林金成等。

他也提及，政府若要推行良好农业规范认证（MyGAP），就必须先解决农民长期面对的土地问题，以及修改及检讨其中条例，否则农民根本无法申请这项认证。

他说，该会支持农业部推行这项政策，但这项认证在实行方面仍需改善，例如取得认证的前提是农民必须拥有自己的土地，或持有正式的土地租借合约，惟我国农民有60％是在非法土地耕种。「在有关政策上，农民若是在不同地方拥有几段园地，就要去申请几张MyGAP认证，我们认为，有关当局应该让农民以公司名义申请一张认证便可，而非根据土地所在发放认证。」

他也反映，在如今蔬菜种植已面临一箩筐问题的当儿，全国各地农民皆希望政府能收回两项损农政策，即为外劳缴付社险及雇主必须通过银行户头支付外劳薪资。

## 官员不肯对话

「现在进口菜种、农药和肥料因令吉贬值成本增加，蔬菜易烂和市场购买力弱影响销量等，政府还强制农友承担外劳额外费用，真是雪上加霜，还有大部分菜农因缺乏工人，而缩小种植面积，导致蔬菜产量减少。」

他呼吁，政府废除繁文缛节的申请方式，成立一站式申请合法外劳，以免缺乏人力问题持续恶化，拖慢经济成长。

另外，他说，农民并非害怕见官员，而是官员迟迟不肯与农民对话，例如该会在换政府后用5个月时间致函给农业部长要求会谈，最终仅在11月获得一次与农业正副部长会谈的机会，而该会提呈的备忘录也未获任何回应。

「马来西亚菜农总会、果农总会、柔州花卉种植协会及柔州中小型家禽业总会，联合致函人力资源部长古拉要求对话，共同商讨雇用外劳的程序，甚至通过华总致函部长，但直至今日，仍没有得到部长的一丝回应。」

他续说，他们迫切需要政府正视农民的诉求，以免粮食短缺的问题日益严重，并促请农业部副部长沈志勤扮演华裔农民与政府的桥梁，协助他们解决问题。

Powered by: isentia